

# 'Najib tidak pernah lapor penyelewengan dana 1MDB'

Saksi dakwa bekas PM tak arah pihak pengurusan jauhi Jho Low

**Kuala Lumpur:** Pegawai penyiasat dalam kes penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) membabitkan Datuk Seri Najib Razak memberitahu Mahkamah Tinggi semalam, bekas Perdana Menteri itu tidak pernah membuat aduan kepada pihak berkuasa berhubung perkara berkenaan.

Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Aida Ariffin, 37, berkata siasatannya mendapati pengurusan 1MDB tidak membuat aduan mengenai perkara itu kepada SPRM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), selain tidak ada tindakan diambil terhadap ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low.

"Datuk Seri Najib bertanggungjawab atas semua tindakannya sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan, dan Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB.

"Beliau tidak pernah mengarahkan pengurusan 1MDB menjauhi Jho Low walaupun lelaki itu tidak dilantik secara sah ke mana-mana jawatan dalam kerajaan Malaysia atau 1MDB," katanya sambil menambah Jho Low berperanan aktif dalam peng-

urusan 1MDB ketika itu.

Saksi pendakwaan ke-49 itu berkata demikian ketika membacakan bahagian 'kesimpulan' kenyataan saksi dalam pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib, dalam perbicaraan Najib yang didakwa menggunakan kedudukannya untuk menerima rasuah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 tuduhan pengubahan wang membabitkan jumlah sama.

Nur Aida berkata, hubungan antara Najib dan Jho Low bukan hanya berkaitan perkara rasmi mengenai 1MDB, malah ahli perniagaan itu menyertai percutian bersama keluarga bekas Ahli Parlimen Pekan itu.

Ia termasuk percutian kapal layar RM Elegance dan Topaz di perairan selatan Perancis pada 2009 dan 2013, di samping percutian kapal layar Golden Odyssey di perairan Greece pada 2010.

## Percutian diurus Jho Low

"Semua percutian diuruskan oleh Jho Low dan rakan sepasukannya, Eric Tan Kim Loong yang turut dihadiri keluarga diraja Arab Saudi dan pengarah PetroSaudi International Ltd (PSI), Tarek Obaid," katanya.

Beliau berkata, Najib tidak pernah mengisytiharkan kepada Kabinet mengenai kemasukan RM3.6 bilion ke dalam dua akaun AmPrivate Banking ketika menjadi Perdana Menteri.

"Siasatan saya menunjukkan wang diterima Datuk Seri Najib dalam dua akaun AmBank miliknya adalah daripada dana 1MDB yang ditetapkan



Najib diiringi pegawai penjara hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

untuk pelaburan.

"Sejak 2011 hingga 2014, sebanyak 526 transaksi perbelanjaan dikesan melalui pengeluaran cek ditandatangani dan dikawal Najib sendiri, selain pembayaran menggunakan kad kredit AmBank Mastercard dan Visa Platinum miliknya," katanya.

Menurut Nur Aida, Najib sebagai pemilik akaun mempunyai akses dan kawalan ke atas akaun berkenaan dan dalam tempoh itu, kedua-dua akaun aktif tetapi beliau tidak pernah membuat pengesahan, pertanyaan, atau aduan sama ada secara bertulis atau lisan kepada bank mengenai sumber wang yang masuk ke dalam akaun.

"Pada Julai 2015, Datuk Seri

Najib meminta Gabenor Bank Negara ketika itu, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, untuk mengeluarkan kenyataan tidak ada perbuatan salah dalam wang yang masuk ke dalam akaunnya, tetapi Tan Sri Zeti menolak untuk mematuhi permintaannya," katanya.

Nur Aida berkata, Datuk Seri Husni Hanadzlah, yang ketika itu adalah Menteri Kewangan II, diberi arahan oleh Najib untuk tidak terbabit dan campur tangan dalam sebarang perkara dan keputusan mengenai pelaburan 1MDB.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung 29 Januari ini.

BERNAMA